

Dunia akademik, politik perlu seimbang

B.H. 25/06/08 M/S 12

UNIVERSITI di negara ini akan kembali meriah tidak lama lagi dengan kemasukan pelajar baru dan pelajar lama yang menyambung pengajian pada semesta seterusnya.

Dalam pada itu, ramai bertanya sama ada sistem pendidikan kurikulum dan kokurikulum di universiti hari ini mampu menjana modal insan yang mempunyai minda negarawan dan tidak retorik dengan slogan mahasiswa sebagai jurubicara masyarakat.

Mahasiswa adalah anak muda dihantar rakyat ke menara gading. Berbekalkan ilmu di dada, seharusnya mereka menjadi penggerak sosial yang mengesat air mata rakyat dan derita golongan tertindas.

Anak muda perlu berani mengubah sejarah lama. Rakyat sentiasa menunggu apakah yang akan dilakukan anak muda kita untuk mengharungi hidup kian mencabar. Terpujanglah kepada anak muda kerana dalam hidup ada dua pilihan. Hidup cuma untuk bernafas atau hidup untuk bersama mengukir sejarah.

Saya memberi contoh kehebatan dua anak muda luar negara, seorang di Amerika Syarikat dan seorang lagi di Afghanistan.

Mahasiswa John Tyler Hammons, 19, memenangi kerusi Datuk Bandar Muskogee di Oklahoma, Amerika Syarikat, pada pilihan raya 1 April lalu.

Muskogee adalah sebuah bandar kecil di timur laut Oklahoma yang mempunyai 38,000 penduduk. Hammons yang juga bekas Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Muskogee High School menerima 70 peratus undi pada pusingan akhir dan menewaskan bekas Datuk Bandar, Hershel Ray McBride yang berumur 70 tahun yang tiga penggal menjadi Datuk Bandar.

Hammons membuktikan kepada dunia kampus hari ini bahawa tidak harus ada pemisahan atau salah faham antara dunia akademik dan dunia politik kemahasiswaan.

Kedua-duanya adalah suatu keseimbangan dan kemestian. Syaratnya, yang dikejar (kuasa kepemimpinan) tercapai, manakala yang dikendong (kecemerlangan akademik) tidak berciciran. Mahasiswa tahun pertama

jurusan Sains Politik dan Pentadbiran Awam di Universiti Oklahoma itu pernah menjadi Presiden Persatuan Antidadah Berbahaya ketika belajar di sekolah tinggi.

Hammons menegaskan, "Dipilih menjadi Datuk Bandar tidak akan mengubah hasrat saya untuk meneruskan pengajian. Saya akan mengaturlah jadual harian sebaiknya supaya saya boleh menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar walaupun saya masih belajar."

Itulah sikap positif seorang mahasiswa di Amerika. Mari kita lihat pula sikap seorang bekas mahasiswi di Afghanistan. Melihat sepintas lalu wajah Sabrina Sagheb yang fasih berbahasa Inggeris, mungkin ramai terfikir beliau kembar Aishwarya Rai.

Hakikatnya Sabrina, 25, memulakan zaman mudanya dengan mengemparkan Kabul sebagai calon paling muda bertanding pada Pilihan Raya Umum Afghanistan.

Times Online melaporkan Sabrina memperjuangkan isu burkha (pakaian menutup seluruh badan kecuali mata) sebagai satu pilihan kepada wanita, bukan kewajipan; memerangi kahwin paksa ke atas anak perempuan mereka; memerangi undang-undang yang membenarkan remaja perempuan yang dirogol (mangsa) dipenjarakan serta undang-undang membenarkan si isteri yang didera suami boleh dibebaskan daripada penjara sekiranya bersetuju untuk kembali kepada suaminya (pemangsa).

BBC melaporkan, Sabrina berkempen tanpa sebarang pengawal keselamatan dan senjata di tangan. Hampir setiap hari menerima panggilan mengugut untuk membunuhnya kerana tindakan beliau jelas melanggar adat tradisi Afghanistan, yang selama ini mengharamkan perempuan keluar dari rumah secara bersendirian, apatah lagi terbabit dalam bidang politik.

Itulah contoh mahasiswa di luar negara.

SHAARI ABDUL RAHMAN,
Setiausaha Agung
Gabungan Mahasiswa Islam
SeMalaysia (Gamis).